

Ramainya sultan Sulu!

■ Lebih 10 individu mengaku waris sah menuntut takhta

BANTILAN Muhammad Muizzudin II, waris keturunan Sultan Sulu yang memerintah pada 1748-1763 ditabalkan sebagai Sultan Sulu Darul Islam (SSDI) di Jolo tahun lalu.



Dalam sebuah kerajaan yang sudah lama berkubur dan cuma tinggal nama, warisnya berebut-rebut mengaku dirinya sultan dan mahu naik takhta.

Itu yang berlaku pada Kesultanan Sulu, sebuah empayar kerajaan Islam yang didirikan pada 1450. Di zaman kegemilangannya, pemerintahan dan jajahan takluknya meliputi Sulu, Borneo Utara termasuk Sabah, Palawan, Mindoro, Basilan dan Tawi-Tawi.


Sultan terakhir yang diiktiraf Filipina ialah Ismael Kiram I yang memerintah pada 1974 hingga 1986. Kini, seorang waris Kesultanan Sulu yang mengaku dirinya Sultan Sulu menghuru-harakan negara apabila menghantar pasukan tenteranya ke Lahad Datu pada 12 Februari lalu dan membuat tuntutan ke atas Sabah.

Jamalul Kiram III yang bertegas beliau adalah tuan rumah Sabah, enggan memanggil balik 'tenteranya' pulang ke Filipina sehingga tercetusnya peristiwa berdarah yang mengorbankan 10 nyawa wira negara juga ramai tentera penceroboh.


Sekurang-kurangnya 10 orang mengaku sebagai Sultan Sulu, malah ada yang mengatakan sehingga 300 orang di Filipina mendakwa merekalah pewaris sebenar takhta kerajaan Sulu.

Itu belum lagi diambil kira dakwaan individu di negara ini yang turut membuat dakwaan sama. Ahli perniagaan Kota Kinabalu, Datu Mohd Akjan Datu Ali mendakwa dirinya Sultan Sulu ke-33 dengan gelaran Sultan Shariful Hashim II.

The Manila Times dalam laporannya mendakwa Sultan Sulu sebenar ialah Muhammad Fuad Abdulla Kiram I atau dikenali sebagai



Metro
17/3/13 MS 46



ESMAIL Kiram II, adik kepada Jamalul Kiram turut menabalkan dirinya sebagai Sultan Sulu.



JAMALUL Kiram III yang menghantar pengikutnya ke Sabah dianggap tidak sah kerana bukan daripada darah zuriat sebenar Sultan Sulu, sebaliknya keturunan isteri kedua bapanya.

Sultan Fuad Kiram.

Penulis rencana itu, Julmunir Jannaral melaporkan, hujah asas yang digunakan bagi menentukan pewaris sebenar Kesultanan Sulu ialah Undang-undang Waris kerajaan itu iaitu cuma seseorang yang mempunyai pertalian langsung dengan sultan boleh mewarisi semua gelaran, harta, hak tanggungjawab dan kelebihan seorang sultan.

Kata Julmunir, tuntutan itu hanya boleh dibuat oleh anak sultan seperti diamalkan sejak 1457 dan takhta itu menjadi hak Fuad Kiram dan berhak diangkat sebagai sultan seperti arwah abangnya, Mahakuttah Kiram, yang menggantikan bapa mereka, Sultan Esmael Kiram.


Dalam kalangan Keluarga Diraja Kesultanan Sulu sendiri, Sultan Jamalul Kiram III ketika ini dianggap tidak sah kerana bukan daripada darah zuriat sebenar Sultan Sulu.

Dia dikatakan hanya keturunan daripada isteri kedua Jamalul Alam. Selain itu, Esmael Kiram II iaitu adik Jamalul Kiram II turut menabalkan dirinya sebagai sultan.

Seorang lelaki yang dikatakan kini bersembunyi dan akan muncul di khalayak ramai bagi menuntut takhta sebagai Sultan Sulu yang didakwanya milik beliau ialah Datu Abunasser Sultan Badaruddin D Muhammad Bataraza.

Datu Abunasser mendakwa dirinya Sultan Sulu sebenar daripada keturunan isteri pertama Sultan Sulu Jamalul Alam iaitu sultan yang dikatakan menandatangani perjanjian menyerahkan Sabah kepada Syarikat Borneo Utara.

Menurut dokumen diserahkan kepada akhbar Philippines Inquirer, wakil Datu Abunasser berusaha mendapatkan pengiktirafan sebagai Sultan Sulu daripada Presiden Benigno Aquino sejak 25 Julai 2012, selain menghantar surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon, bagi mendapatkan bantuannya mengiktiraf lelaki itu sebagai Sultan Sulu sebenar.



“ Kalau ada 100 lelaki namanya Kiram di Sulu, Sulu akan ada 100 sultan yang mengaku Sultan Sulu dari keluarga Kiram. Berebut menjadi sultan tanpa rakyat, boleh dikatakan mereka ini seperti syok sendiri”

Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh

Kesultanan Sulu bermula pada 1380 apabila seorang ulama keturunan Arab, Karim ul-Makdum memperkenalkan Islam di Kepulauan Sulu.

Kemudian pada 1390, Raja Bagindo berasal dari Minangkabau meneruskan penyebaran Islam dan berjaya mengislamkan masyarakat Sulu sehingga ke Pulau Sibutu.

Pada 1450, seorang Arab dari Johor, Shari'ful Hashem Syed Abu Bakr tiba di Sulu. Beliau kemudian bernikah dengan Paramisuli, puteri Raja Bagindo.

Pada 1457, ia menubuhkan Kesultanan Sulu dan memakai gelaran 'Paduka Maulana Mahasari Sharif Sultan Hashem Abu Bakr'.

Dikatakan Kesultanan Sulu

mempunyai tiga waris sebagai Keluarga Diraja Kesultanan Sulu iaitu keluarga Kiram, keluarga Shaki-raullah dan keluarga yang dipanggil Maharajah Adinda, Dinda serta Arinda.

Waris Kesultanan Sulu, Roodinood Julaspi Kiram turut mengaku dirinya Sultan Sulu. Roodinood meneruskan perjuangan bapanya, Julaspi Kiram, yang mendakwa sebagai zuriat tunggal Sultan Jamalul Kiram II.

Seorang lagi yang turut mengaku sebagai sultan ialah Sultan Bantilan Muhammad Muizzudin II atau nama sebenarnya Datu Ladjamura Datu Wasik.

Beliau adalah waris keturunan Sultan Sulu yang memerintah pada 1748-1763, Sultan Bantilan Muizzuddin I. Beliau ditabalkan sebagai Sultan Sulu Darul Islam (SSDI) di Jolo, Sulu pada 29 Oktober tahun lalu.

Pensyarah Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh berkata, mereka yang mengaku sultan ini sebenarnya tidak tahu sejarah serta protokol kesultanan selain tidak tahu tertib pertabalan.


Disebabkan itu, begitu ramai yang mengaku sebagai waris kesultanan Sulu.

“Kalau ada 100 lelaki namanya Kiram di Sulu, Sulu akan ada 100 sultan yang mengaku Sultan Sulu dari keluarga Kiram. Berebut menjadi sultan tanpa rakyat, boleh dikatakan mereka ini seperti syok sendiri,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan pengikut Jamalul Kiram III ialah dalam kalangan orangnya dan bukan keseluruhan Sulu yang menyokongnya.

“Sekarang ini kita tidak tahu bagaimana Sultan Sulu ditabalkan. Adakah ditabalkan oleh rakyat serta mengikut kehendak rakyat.

“Kajian mengenai Kiram masih belum terperinci kerana namanya tiba-tiba saja muncul dengan mengaku sebagai sultan,” katanya.



THE Manila Times mendakwa Sultan Sulu sebenar ialah Muhammad Fuad Abdulla Kiram I atau dikenali sebagai Sultan Fuad Kiram.

AHLI perniagaan dari Kota Kinabalu, Datu Mohd Akjan Datu Ali mendakwa dirinya Sultan Sulu yang ke-33 dengan gelaran Sultan Shariful Hashim II.